



**KENYATAAN MEDIA
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**ARAHAN PEMBUKAAN KLINIK SWASTA MENGIKUT WAKTU OPERASI BIASA
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN KERANA WABAK
COVID-19**

1. Berdasarkan perkembangan semasa dan langkah untuk mengurangkan kesesakan di Klinik Kesihatan (KK), Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Daerah Cameron Highlands menentukan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini semua klinik swasta dibenarkan beroperasi mengikut waktu operasi biasa.
2. Arahan ini berkuatkuasa mulai 23 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 atau sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ditarik balik.
3. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengambil maklum berkenaan pindaan ini.
4. Arahan ini akan diperluaskan berdasarkan perkembangan semasa.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK
YB Setiausaha Kerajaan Pahang
22 Mac 2020